**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 16 Feb 2021 (Selasa)

**Berita Harian**
JAS akan dakwa semu pihak terbabit 1

**Utusan Malaysia**
36,528 rumah terbengkalai 2

**Harian Metro**
Sistem e-Faraid permudah urus pusaka 3

**Sinar Harian**
JAIS teliti status tanah kubur 4
Unisel sedia e-Pecutan SPM percuma 5
MAIS lancar sistern e-Faraid mudahkan urusan harta pusaka 6

**Bernama News Channel**
Premis Haram Berisiko Cemar Sungai Semenyih Disita 7
Premis Haram Berisiko Cemar Sungai Semenyih Disita 8

**Selangor TV**
ADN Kota Kemuning hulur bantuan buat pesakit kronik 9
ADN Subang Jaya taja calon SPM ulangkaji, persediaan akhir SPM 10
Empat premis perniagaan warga asing disita 11
Jangan tunggu rakyat minta bantuan, sentiasa turun padang - ADN Balakong 12
MPAJ buka kaunter bergerak bayar cukai taksiran 13
Premis haram salur sisa logam ke longkang disita 14

**The Star**
Differring views on reopening of PJ public parks 15
Online system to facilitate Islamic estate management 16
COUNCIL MATTERS 17

**China Press**
Diarrhea on the first day, the second injection the day after tomorrow, Dickson Tan is in good condition with the vaccine 18

**Nanyang Siang Pau**
MPK : Use active case count as measure to decide policies, and not use daily new Covid-19 case count 19

**Malaysia Nanban**
Klang Sentral have not hand over to Selangor government 20

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR 16 February 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | JAS akan dakwa semu pihak terbabit |
| Muka Surat | : | 22 |

*Pencemaran air akibat aktiviti peleburan besi secara haram*

# JAS akan dakwa semua pihak terbabit

## Pemilik tanah, operator, syarikat pengangkut, kilang tidak terlepas

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan memastikan semua pihak yang terbabit dalam pencemaran air akibat aktiviti peleburan besi secara haram oleh sebuah premis berhampiran Kawasan Perindustrian Hi-Tech, Semenyih, dihadapkan ke muka pengadilan.

Ketua Pengarah Alam Sekitar, Norlin Jaafar, berkata tiada pihak akan dilepaskan jika didapati terbabit dalam kegiatan itu, sama ada pemilik tanah, operator premis, syarikat pengangkut dan kilang yang menghasilkan sisa besi berkenaan.

Katanya, alasan pemilik tanah mendakwa tidak maklum dengan kegiatan peleburan besi haram itu kerana hanya menyewakannya kepada operator, tidak akan melindunginya daripada dikenakan tindakan.

"Pemilik tanah tidak terlepas daripada disabitkan kesalahan, begitu juga dengan pihak lain yang terbabit seperti operator, syarikat pengangkut dan kilang yang menghasilkan sisa besi itu sendiri.



*JAS juga masih perlu menjalankan pengumpulan bahan bukti dan menunggu keputusan analisis kimia ke atas lapan sampel.*

***Norlin Jaafar,***
*Ketua Pengarah Alam Sekitar*

"Operator dan pemilik premis sememangnya sudah dikenal pasti. Bagaimanapun, JAS memerlukan sedikit masa untuk membuat carian orang disyaki (sebelum sebarang tangkapan dibuat).

"JAS juga masih perlu menjalankan pengumpulan bahan bukti dan menunggu keputusan analisis kimia ke atas lapan sampel yang dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Beliau mengulas mengenai premis yang menjalankan kerja melebur dan mengasingkan sisa besi secara haram di Kawasan Perindustrian Hi-Tech, Semenyih, yang disita pihak berkuasa, Khamis lalu.

Premis milik persendirian itu dikesan menjalankan aktiviti peleburan besi secara haram yang diperoleh daripada kilang besi, dipercayai di Selangor dan Perak, menggunakan pekerja warga asing tidak berdokumen sejak kira-kira tiga tahun lalu.

Aktiviti haram premis dalam hutan dan dikelilingi ladang sawit itu terbongkar apabila Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) mengesan pencemaran longkang monsun di Taman Semenyih Permata, kira-kira 1.5 kilometer dari premis berkenaan.

Siasatan awal mendapati pencemaran itu datang daripada limpahan kolam takungan di premis berkenaan, dipercayai mengandungi sisa aktiviti peleburan besi yang menyebabkan air kolam itu berwarna hitam.

Norlin berkata, setakat ini, limpahan daripada kolam takungan tidak memberi kesan kepada Sungai Semenyih yang terletak kira-kira 2.3 kilometer dari tapak premis dan Loji Rawatan Air (LRA) Jenderam Hilir yang terletak 27 kilometer di hilir premis.




***Keratan akhbar** BH, semalam.*

Katanya, JAS masih meneruskan siasatan untuk mendapatkan keterangan pemilik tanah, penyewa premis dan individu lain yang terbabit membawa buangan sisa besi ke tapak, selain mengenal pasti modus operandi digunakan.

"Yang penting juga adalah menjejaki premis atau kilang menghasilkan sisa besi ini. Semua maklumat ini diperlukan untuk melengkapkan kertas siasatan," katanya.

Norlin berkata, skop siasatan JAS menjurus kepada kesalahan dilakukan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Akta 127) dan peraturan berkaitan iaitu kesalahan berkaitan pencemaran air mengikut Seksyen 25(1) Akta 127 kerana melepaskan pencemar ke alur air tanpa sebarang lesen daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling.

"Selain itu, kesalahan mengikut Seksyen 34B (1) Akta 127, berkaitan penempatan buangan terjadual (BT) (jika dibuktikan sampel buangan adalah BT) tanpa sebarang kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling.

"Turut disiasat adalah kesalahan mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014, iaitu membina punca pencemaran udara tanpa sebarang pemberitahuan bertulis kepada Ketua Pengarah," katanya.

Sementara itu, Pengarah Unit Komunikasi dan Hal Ehwal Pengguna Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Mohd Fazil Ismail, berkata suruhanjaya itu belum terbabit secara khusus dalam siasatan.

"SPAN tidak terbabit secara khusus dalam menjalankan siasatan atau mengambil sebarang tindakan melalui Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

"Ini disebabkan situasi pencemaran di lokasi terbabit tidak membabitkan pencemaran terhadap sumber air mentah untuk kegunaan LRA, atau hingga mengakibatkan penutupan operasi LRA," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>16 February 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | 36,528 rumah terbengkalai |
| Muka Surat | : | 2 |

# 36,528 rumah terbengkalai

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL
rohaizah.zainal@mediamulia.com.my

**SHAH ALAM:** Sebanyak 180 projek perumahan membabitkan 36,528 unit rumah mampu milik, rumah kedai dan kilang di Selangor dilaporkan terbengkalai atau bermasalah sejak 2008 hingga Disember tahun lalu.

Keadaan itu meletakkan kira-kira 36,000 pembeli dalam dilema memandangkan sejumlah 160 daripada 180 projek terbengkalai itu merupakan projek perumahan mampu milik.

Mereka kini bukan sahaja terpaksa menanggung hutang bank tetapi juga perlu terus menanti untuk satu tempoh yang tidak pasti untuk mendiami rumah sendiri.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Usahawan negeri, Rodziah Ismail berkata, berdasarkan statistik Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), 151 projek berada di bawah pemantauan LPHS sementara 29 lagi di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Katanya, daripada 151 projek di bawah pemantauan kerajaan negeri, sebanyak 135 projek tidak mempunyai lesen, sementara 16 berlesen manakala di bawah bidang kuasa KPKT pula semuanya berlesen.

Bersambung di muka 2

## 36,528 rumah terbengkalai

Dari muka 1

Beliau berkata, pihaknya sudahpun menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menangani masalah projek terbengkalai yang dianggarkan bernilai lebih RM7 bilion itu.

Antara langkah awal yang diambil, katanya, ialah kerajaan negeri menyenarai hitam kontraktor-kontraktor yang bermasalah dan gagal menyiapkan projek masing-masing.

"Kita juga melantik kontraktor baharu untuk menyiapkan projek terbengkalai di bawah kerajaan negeri yang dijangka dapat selesai dalam tahun ini.

"Berkenaan pembeli pula, kerajaan negeri akan fikir untuk bayar pampasan atau langkah lain yang sewajarnya," katanya.

Menurutnya, sesuatu projek itu akan dikategorikan sebagai terbengkalai apabila tiada sebarang kemajuan selama enam bulan di bawah perjanjian jual beli dan perlu diperakukan oleh pihak KPKT.

"Projek bermasalah pula ialah projek terbiar, kemajuan projek lewat, projek telah siap diduduki tetapi hanya diberi Sijil Layak Menduduki (CF) sementara," jelas beliau.

Rodziah berkata, Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) merekodkan les unit rumah terbengkalai paling tinggi dengan 6,581 unit, diikuti Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dengan 6,137 unit dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) 6,003 unit.

"PBT yang banyak merekodkan projek terbengkalai ialah MPK iaitu 48 projek yang mana 44 daripadanya melibatkan perumahan, diikuti dengan Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) iaitu 33 projek dan 18 masing-masing di kawasan MPS dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)," katanya.

| PBT | JUMLAH UNIT |
|---|---|
| MDHS | 6,581 |
| MPS | 6,137 |
| MPK | 6,003 |
| MPKj | 4,002 |
| MPAJ | 3,930 |
| MPSJ | 2,879 |
| MBSA | 2,813 |
| MDKS | 2,029 |
| MPKL | 1,264 |
| MBPJ | 455 |
| MPSp | 405 |
| MDSB | 30 |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 16 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Sistem e-Faraid permudah urus pusaka |
| Muka Surat | : | 17 |

# Sistem e-Faraid permudah urus pusaka

**Shah Alam:** Majlis Agama Islam Selangor (Mais) melancarkan Sistem e-Faraid Mais bagi memudahkan masyarakat Islam menguruskan harta pusaka dengan lebih mudah dan pantas melalui sistem digital dalam talian.

Setiausaha Mais, Dr Ahmad Shahir Makhtar berkata, sebagai badan yang mengelola Baitulmal, Mais komited memberikan perkhidmatan terbaik dan menjadi tempat rujukan utama dalam urusan pentadbiran harta pusaka orang Islam.

"Sistem e-Faraid Mais adalah sistem dibangunkan merangkumi penawaran perkhidmatan pengurusan harta pusaka, kaedah pengiraan secara faraid dan pengurusan fail serta pelaporan untuk pegawai mengurus.

"Ia adalah sistem pertama seumpamanya dihasilkan Majlis Agama Islam Negeri melalui bidang kuasa diperuntukkan mengikut Subseksyen 5(4), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Terdahulu, pelancaran e-Faraid Mais disempurnakan Pengerusi Mais, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof dalam Perutusan Pengerusi Mais Tahun 2021 dan pelancaran Video Korporat Mais disiarkan menerusi aplikasi *Zoom Meeting* semalam.

Katanya, masyarakat yang ingin mendapatkan perkhidmatan e-Faraid Mais, boleh menggunakan sistem ini melalui pautan di http://efaraid.mais.gov.my/ bermula 15 Februari (semalam). Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi Baitulmal, Mais di talian 03-55143773/3772.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 16 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | JAIS teliti status tanah kubur |
| Muka Surat | : | 14 |

# JAIS teliti status tanah kubur

Kerajaan negeri Selangor cari solusi isu pencerobohan

Oleh ENGKU SHARIFUL AZNI

SHAH ALAM

Kerajaan negeri Selangor sedang meneliti aduan dan mencari penyelesaian berkenaan dakwaan Pusat Jagaan Al Fikrah Malaysia yang menceroboh Tanah Perkuburan Islam Sungai Sekamat, Kajang.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pengguna dan Industri Halal Selangor, Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, pihaknya masih meneliti aduan berkenaan isu tersebut serta status tanah di situ.

Menurutnya, pihak pusat jagaan terbabit telah berjumpa dengan beliau untuk berbincang bagi menyelesaikan isu tersebut.

"Berkenaan dengan kes Pusat Jagaan Al Fikrah, saya sedang meneliti aduan tersebut dan status tanah itu. Pihak berkenaan sudah berjumpa dengan saya, tapi kita masih dalam semakan dengan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk mencari penyelesaian dan status tanah tersebut," katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Isnin.

*Sinar Harian* pada Sabtu melaporkan mengenai Pusat Jagaan Al Fikrah Malaysia yang mengharapkan pertimbangan JAIS untuk memberi kebenaran meneruskan aktiviti tanaman dan ternakan di atas Tanah Perkuburan Islam Sungai Sekamat itu.




Laporan *Sinar Harian* pada Sabtu.

Pengerusi pusat jagaan berkenaan, Mohd Azmi Md Zain berkata, pihaknya sebelum ini sudah beberapa kali membuat permohonan kepada JAIS berhubung perkara tersebut, namun tidak mendapat maklum balas yang memberangsangkan.

Menerusi mesyuarat pada Julai tahun lalu, katanya, JAIS memberi kebenaran kepada pengurusan pusat kebajikan berkenaan beroperasi untuk tempoh tiga tahun lagi dengan guna tanah maksimum sebanyak 0.4 hektar.

Sementara itu, Mohd Zawawi memaklumkan kerajaan negeri Selangor tidak mempunyai rancangan untuk membina kubur bertingkat sebagai tambahan tanah perkuburan yang dikatakan penuh di negeri ini.

Beliau berkata, tanah di Selangor masih mencukupi untuk dijadikan tanah perkuburan.

Menurutnya, pihak berkuasa tempatan (PBT) kebiasaannya sudah menjangkakan keperluan tanah perkuburan ini untuk 10 hingga 20 tahun akan datang.

"PBT biasanya akan mengambil tanah yang diwartakan oleh kerajaan manakala pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menerima tanah yang diwakafkan oleh masyarakat tempatan khusus untuk dijadikan tanah perkuburan," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Zawawi menjelaskan, pihaknya masih belum menerima sebarang aduan berkenaan tanah perkuburan yang didakwa sudah penuh atau berada dalam tahap kritikal.

Bagaimanapun, pihaknya akan membuat semakan lanjut dengan pihak JAIS yang menguruskan tanah untuk melihat tahap kapasiti tanah perkuburan tersebut.



MOHD ZAWAWI

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

QUALITY SYSTEM SIRIM IQNet
CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KORPORAT INTEGRITI & MESRA

| KERATAN AKHBAR<br>16 February 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Unisel sedia e-Pecutan SPM percuma |
| Muka Surat | : | 15 |

# Unisel sedia e-Pecutan SPM percuma

Inisiatif bantu calon SPM 2020 seluruh Malaysia buat persediaan duduki peperiksaan

Oleh HASRIL ABU HASSAN

SHAH ALAM




UVS terbuka kepada calon SPM 2020, namun atas sambutan memberangsangkan Unisel akan membuka penyertaan kepada calon SPM 2021 serta pelajar Tingkatan Empat.

Unisel Virtual School (UVS) merupakan satu platform pembelajaran secara digital yang diperkenalkan oleh Universiti Selangor (Unisel).

Menerusi UVS berkenaan, Unisel telah menyediakan satu inisiatif baharu iaitu e-Pecutan SPM yang disediakan khas secara percuma buat pelajar seluruh Malaysia khususnya yang bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020.

Presiden dan Naib Canselor Unisel, Profesor Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman berkata, inisiatif e-Pecutan SPM bertujuan untuk membantu calon-calon SPM 2020 yang berdepan masalah mendapatkan pelajaran terbaik bagi persediaan menjelang SPM yang dijangka berlangsung pada bulan Februari 2021.

"Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kita lihat ramai calon SPM berdepan kesulitan untuk mendapatkan pendidikan atas talian dengan harga yang berpatutan.

"Jika kita lihat kebanyakan kelas atau tuisyen atas talian menyediakan perkhidmatan berbayar yang kebanyakannya mencecah ratusan ringgit.

"Oleh itu, tidak semua calon SPM mampu membiayai pengajian berbayar sebegini, mempunyai peluang untuk belajar dengan guru-guru atau tenaga pengajar yang berpengalaman akibat daripada kos yang perlu ditanggung," katanya baru-baru ini.

Atas keprihatinan itulah, Unisel selaku universiti tempatan yang amat menitikberatkan pendidikan rakyat, telah mengambil peluang berkenaan dengan menyediakan satu platform pembelajaran atas talian secara percuma kepada calon SPM 2020 menerusi inisiatif e-Pecutan SPM.

"Jika kita lihat sejak kebelakangan ini, kelas atau tuisyen atas talian tumbuh seperti cendawan," kata beliau.

Namun begitu, katanya, perbezaannya inisiatif yang disediakan oleh individu dan agensi-agensi lain dengan apa yang ditawarkan oleh Unisel sudah semestinya dari segi kepakaran dan kualiti.

*Saya juga berharap agar cara ini dapat membantu pelajar seluruh negara untuk mereka menduduki SPM pada bulan Februari nanti."*



Inisiatif e-Pecutan SPM sudah semestinya menyediakan pembelajaran dan pengajaran atas talian yang melibatkan tenaga pengajar yang pakar dalam bidang masing-masing.

Sebahagian tenaga pengajar tersebut merupakan guru pakar soalan dan sebahagiannya lagi adalah tenaga pengajar dari Unisel yang berstatus pensyarah kanan.

Inisiatif yang mula diperkenalkan pada penghujung tahun 2020, menyediakan kelas atas talian yang melibatkan sembilan subjek SPM antaranya Bahasa Inggeris, Matematik, Matematik Tambahan, Sains, Biologi, Fizik, Prinsip Akaun, Ekonomi dan Bahasa Arab.

Perbezaan kedua yang dapat dilihat ialah kelas atau tuisyen atas talian yang lain hanya menyediakan tajuk-tajuk tertentu dan sekiranya pelajar terlepas siaran atau waktu pembelajaran, mereka tidak dapat melayari kelas tersebut secara ulangan.

Beliau memaklumkan, kelebihan e-Pecutan SPM menerusi UVS adalah platform tersebut memberi peluang kepada pelajar untuk melayari kelas pada bila-bila masa dan berpeluang untuk melayari kelas secara ulangan tanpa had.

"Apa yang lebih membanggakan, setelah hampir dua bulan platform ini dilancarkan, kita telah menerima pendaftaran hampir 11,000 pelajar.

"Kita jangkakan akan berlaku pertambahan jumlah pendaftaran sekitar 20,000 pelajar sebelum SPM 2020 berlangsung.

"Ia merupakan salah satu tanggungjawab sosial korporat universiti dalam merakyatkan pendidikan dan berharap agar ia dapat membantu memberikan pelajaran dan pengajaran terbaik kepada pelajar tanpa mengira latar belakang, kaum, agama, bangsa dan sebagainya.

"Harapan saya agar pelajar di seluruh negara mengambil kesempatan dan peluang keemasan ini.

"Kami amat berharap dengan inisiatif ini dapat membantu calon SPM dan pelajar yang tidak berkesempatan belajar sepanjang PKP.

"Saya juga berharap agar cara ini dapat membantu pelajar seluruh negara untuk mereka menduduki SPM pada bulan Februari nanti," ujar Mohammad Redzuan.

Pada peringkat permulaan, ia terbuka khusus buat calon SPM 2020, namun atas sambutan yang amat memberangsangkan, Unisel bersetuju untuk membuka penyertaan kepada calon SPM 2021 serta pelajar sekolah menengah dari Tingkatan Empat yang turut berminat membuat persiapan awal.

Kepada yang berminat untuk mendaftar, anda boleh mengimbas QR Code di atas atau layari laman sesawang *uvs.unisel.edu.my* atau layari laman media sosial rasmi Facebook Universiti Selangor.

Sekiranya anda ingin mendapatkan maklumat lanjut, boleh hubungi Muhammad Al-Hafiz Abdul Rahaman di talian **013-921 1516**.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 16 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | MAIS lancar sistern e-Faraid mudahkan urusan harta pusaka |
| Muka Surat | : | 24 |

# MAIS lancar sistem e-Faraid mudahkan urusan harta pusaka

**SHAH ALAM -** Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melancarkan sistem e-Faraid MAIS bagi membolehkan umat Islam di negeri ini menguruskan harta pusaka dengan lebih mudah dan pantas melalui sistem digital dalam talian.

Setiausaha MAIS, Dr Ahmad Shahir Makhtar berkata, sebagai badan yang mengelola Baitulmal, MAIS sentiasa komited memberikan perkhidmatan terbaik dan menjadi tempat rujukan utama dalam urusan pentadbiran harta pusaka milik orang Islam.

Menurutnya, e-Faraid MAIS adalah sistem yang dibangunkan merangkumi penawaran perkhidmatan pengurusan harta pusaka, kaedah pengiraan secara faraid dan pengurusan fail serta pelaporan untuk pegawai yang mengurus.

"E-Faraid MAIS merupakan sistem pertama seumpamanya yang dihasilkan Majlis Agama Islam Negeri melalui bidang kuasa yang diperuntukkan di bawah Subseksyen 5(4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

"Menariknya pengguna dibekalkan dengan kalkulator pengiraan faraid atau K-Faraid MAIS bertujuan mendidik masyarakat untuk memahami kaedah pengiraan dan pembahagian harta pusaka secara faraid," katanya selepas pelancaran e-Faraid MAIS ketika Perutusan Pengerusi MAIS Tahun 2021 dan pelancaran video korporat MAIS yang disiarkan menerusi aplikasi Zoom pada Isnin.

Majlis disempurnakan Pengerusi MAIS, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof.

Sementara itu, Ahmad Shahir berkata, pengguna yang ingin menggunakan K-Faraid MAIS hanya perlu memasukkan nama waris si mati melalui senarai atau carta waris sebelum memasukkan jumlah nilaian harta pusaka yang ditinggalkan si mati.

"Hasil pengiraan akan memaparkan kadar bahagian waris-waris bersama jumlah harta melalui jadual pengiraan," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 15 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Bernama News Channel |
| Tajuk Berita | : | Premis Haram Berisiko Cemar Sungai Semenyih Disita |
| Muka Surat | : | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR**<br>**15 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Bernama News Channel |
| Tajuk Berita | : | Premis Haram Berisiko Cemar Sungai Semenyih Disita |
| Muka Surat | : | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>14 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Selangor TV |
| Tajuk Berita | : | ADN Kota Kemuning hulur bantuan buat pesakit kronik |
| Muka Surat | : | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>14 February 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Selangor TV |
| Tajuk Berita | : | ADN Subang Jaya taja calon SPM ulangkaji, persediaan akhir SPM |
| Muka Surat | : | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 14 February 2021

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Selangor TV |
| Tajuk Berita | : | Empat premis perniagaan warga asing disita |
| Muka Surat | : | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR<br>14 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Selangor TV |
| Tajuk Berita | : | Jangan tunggu rakyat minta bantuan, sentiasa turun padang - ADN Balakong |
| Muka Surat | : | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>14 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Selangor TV |
| Tajuk Berita | : | MPAJ buka kaunter bergerak bayar cukai taksiran |
| Muka Surat | : | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>14 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Selangor TV |
| Tajuk Berita | : | Premis haram salur sisa logam ke longkang disita |
| Muka Surat | : | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>16 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | Differring views on reopening of PJ public parks |
| Muka Surat | : | 2 |

# Differring views on reopening of PJ public parks

By SHEILA SRI PRIYA
sheilasripriya@thestar.com.my

PETALING Jaya residents have different opinions on reopening public parks for recreational activities.

While some feared that Covid-19 would spread easily if they were opened to the public, others argued that people should not live in fear as staying indoors for long stretches was not healthy.

Friends of Taman Aman chairman G. Rajendram said he had been inundated with calls from park-goers asking if they could continue their jogging and walking activities.

"Senior citizens, especially, want the parks to open. Some wheelchair users also want to enjoy the fresh air at the parks," he said.

He added that parks were a safer option for the elderly who sometimes jogged along main roads.

Rajendram said a banner in Taman Aman park which stated that only neighbourhood parks were allowed to open, were causing confusion.

"Technically Taman Aman is a neighbourhood park. We are also unsure of the standard operating procedure," he said.

Jeffrey Phang, chairman of MyPJ, a coalition of Petaling Jaya Residents Associations, said Petaling Jaya City Council (MBPJ) should consider reopening the parks with strict SOP in place.

He said people were stressed staying at home for long periods of time and outdoor activities in a safe space such as parks would help improve the situation.

Strict enforcement would enable park-goers to follow the SOP at popular parks in the city, he added.

Malar Jayaraj, a regular park-goer, said there was a need to evolve with the current situation.

"Don't let fear rule and be informed of what needs to be done. Do not go out unnecessarily.

"I think parks should reopen. Having recreational activities at parks will help," she said.

Friends of Bukit Gasing committee member Rajesh Mansukhla, however, is of the opinion that parks should remain closed for the next few weeks.

Reopening larger parks such as Taman Jaya, Taman Aman and the one in Kelana Jaya will encourage people to congregate.

"This would be risky. It is best to wait a few more weeks for Covid-19 cases to drop," he said, suggesting that MBPJ first ensure the public use the MySejahtera app at parks.

"I have not seen temperature being taken or even the use of the app (for contact tracing) at these parks.



Those jogging and cycling in public parks are reminded to keep a safe distance. This photo was taken early last month, before the announcement of park closures. — Filepic

"Who is going to manage the crowd at the parks? Will it be the council or police?" asked Rajesh, adding that although he and his grandchildren were frustrated at being confined in their home, it was vital that parks be safe for visitors.

"I am not sure how the council plans to sanitise the equipment at parks. We need these issues to be ironed out first before the parks reopen," he said.

On Bukit Gasing, he said it had narrow hiking trails and there was bound to be close contact among hikers.

Petaling Jaya mayor Datuk Mohd Sayuthi Bakar told *StarMetro* that the police would decide which parks could be open to the public and that the men in blue would issue summonses to those breaking the rule.

"For the time being, we are still keeping the parks closed. However, smaller neighbourhood parks are open for jogging and cycling activities," he said.

Senior Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob recently announced that recreational fishing, gyms as well as golf and driving institutes were permitted to resume.

These activities include games like tennis, ping-pong and badminton, as well as two and four-wheel motorsports.

Among the parks in Petaling Jaya that are closed are Taman Bandaran Kelana Jaya, Taman Tasik Komuniti Kelana Jaya, Taman Jaya, Taman Aman, Taman PJS 10, Taman Rimba Riang in Kota Damansara, Taman Railway, Taman Bandar Tasik Mutiara Damansara, Taman Padang Kota in Kota Damansara, Taman Section 8, Kota Damansara, Taman Ara Damansara, Taman Ara PJU 1A/29, Taman Centre Spine, Bandar Sri Damansara and Taman Section 6 Kota Damansara.

| **KERATAN AKHBAR 16 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | Online system to facilitate Islamic estate management |
| Muka Surat | : | 2 |

# Online system to facilitate Islamic estate management

**SHAH ALAM:** The Selangor Islamic Religious Council (Mais) has launched an online system called Mais e-Faraid to facilitate estate management for Muslims in the state.

Mais secretary Dr Ahmad Shahir Makhtar said e-Faraid offers estate management services, a calculation method for inheritance according to the faraid (Islamic inheritance) law, file management as well a channel for its managing officers to file their reports.

He pointed out that the system was the first of its kind to be developed by the state religious Islamic council through its jurisdiction provided under Subsection 5 (4), Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003.

It was launched by Mais chairman Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof via the Zoom meeting application yesterday.

"Muslims can use the faraid calculator or K-Faraid, which seeks to educate the community on understanding the method of calculation and estate distribution according to the faraid law," he said.

He added that the system will display the distribution rate of inheritance for each heir once the relevant information is entered. — Bernama

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 16 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | COUNCIL MATTERS |
| Muka Surat | : | 3 |

# COUNCIL MATTERS

> Starting Nov 1, all bill payments to Subang Jaya City Council (MBSJ) for a minimum of RM10 can be made at Petronas, Shell and Petron petrol stations. For details, call MBSJ at 03-8024 7700.

> Ratepayers can pay their assessment tax to Ampang Jaya Municipal Council at its mobile counters at the Taman Melawati night market throughout this month from 11am to 2pm. They can also pay online at https://icomm.mpaj.gov.my/. For details, call 03-4285 7004/7282 or email jhasil@mpaj.gov.my

> Petaling Jaya City Council is inviting the public to take part in an online customer satisfaction survey on its services. They may do so at https://bit.ly/3ppUAOI

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 16 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | China Press |
| Tajuk Berita | : | Diarrhea on the first day, the second injection the day after tomorrow, Dickson Tan is in good condition with the vaccine |
| Muka Surat | : | 6 |

# 首日瀉肚子‧後天第二針
# 陳狄源注射疫苗狀況良好

獨家 報導‧劉淑美

（吉隆坡15日讯）自除夕参与"接种疫苗"计划后，雪州加影市议员陈狄源除了首日出现泻肚子情况就没出现不适，并会在本月18日接受第二轮注射！

据早前报导，陈狄源在本月11日就已前往安邦医院参与疫苗研究，注射首轮的"疫苗"。

陈狄源向《中国报》指出，他注射当天就泻肚子两次，随后没出现任何症状或不舒服。

他每天都必须填日记，记录体温和任何身体状况。

他说，"日记簿"会将志愿者的症状列为3个等级。

"我的日常生活和工作都照常，也不会感到疲倦，一切良好。"

陈狄源指出，他将于本月18日注射第二次"疫苗"。

他较早时说，这项研究是采取双盲点的方式进行，虽然录取3000名自愿者，但只有50%或者1500名是获注射疫苗，剩余者则打Placebo或称安慰剂。



■陈狄源注射"疫苗"后并没出现不良反应。



■陈狄源每日都必须记录体温。

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>16 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Nanyang Siang Pau |
| Tajuk Berita | : | MPK : Use active case count as measure to decide policies, and not use daily new Covid-19 case count |
| Muka Surat | : | 1 |

巴生市会：弃每日确诊数据

# 改活跃病例充决策参考

（巴生15日讯）鉴于早前2019冠病囤积旧数据引诟病，卫生部每日发布确诊数据存缺乏参考价值疑虑，巴生市议会日前已改用活跃病例数据，作为决策参考方向。

我国在1月末期间的连续数天里，冠病确诊病例突然暴增5000余宗，进而让各界大表哗然，卫生部随后说明仍是因为延误通报的囤积"旧病例"所致，其中甚至有来自去年的私人诊所和工厂检测等旧数据。

有关事件不仅严重影响卫生部的公信力，也让参考该数据进行决策的相关单位大感混淆，普罗大众更因此对不再信任当局每日通报的确诊数据。

巴生市议会卫生小组委员李富豪受询时指出，除了延误通报的囤积病例之外，也有不少专家提出"没检测，没病例"的看法，即不乐观看待近期冠病数据下滑的迹象。

"由于卫生部早前作出不再检测紧密接触者的措施，因此很多专家都对病例下滑抱持不乐观态度，认为'没检测，没病例'旨在营造好转假象而已，当中却潜伏着更危险的爆发危机。"

他说，如今，人们只能自救自保，又或者等待接种疫苗，以避免遭冠病感染。

"作为决策者，地方政府也不能对此坐以待毙，在发现上述旧数据的现象后，市议会也放弃每日确诊数据的参考，改用活跃病例作为决策参考价值。"



李富豪：巴生市议会已改用活跃病例，作为决策参考指标。

## 巴生仍冠病红区

### 李富豪：从活跃病例判断

李富豪表示，就目前每日公布的新确诊病例，巴生病例确诊数据确有下滑迹象，但从活跃病例来判断的话，巴生依旧是一个冠病红区！

"我们从活跃病例来判断，巴生甚至在过去几天里的病例有明显上升迹象，即从2月12日的1154宗增加至昨天的1508宗，这也是市议会在探讨决策时，会以活跃病例作为指标和准则的原因。"

针对早夜市不达标情况，李富豪坦承问题的存在，不过，市议会仍会继续观察和探讨，虽然暂时无意采取行动，但也希望商贩及消费者能够继续配合及提高警惕，以便一起压低巴生市的传播率。



早夜市开放容易吸引人潮，商贩及消费者受促务必严守标准作业程序。

卫生部应与地方政府

## 共享资讯联手抗疫

李富豪指出，我国冠病数据目前仍由卫生部"掌权操控"，以致缺乏透明度，进而让其可靠与可信度备受质疑。

他说，在抗疫情的路上，卫生部不能继续"单打独斗"了，在需要与地方政府、州政府和非政府共同分享资讯的情况下，务必立刻组成一个由不同政府，包括中央、州属、地方，甚至社团组织联合一线的防疫团队，才能有效阻断传播链。

"目前，整个前线或社区上的病例感染，已不是卫生部一个部门能够单方面管控的事情，相对，所有与上述多个单位联合，相信整个社区的病例才能出现明显的改善和减少。"

他指出，如今，大家甚至对冠病数据的可信度存有疑问，则说无法对其作出评论，甚至更不能再作为州政府及地方政府的决策参考指标。

"卫生部必须立刻挽回人们的信心，包括每日宣布单日的检测宗数和确诊病例，面对延迟呈报案例则归类为追溯案例，甚至放上网公告天下，以加强其透明度。"

他补充，如上所言，因存在"没检测，没病例"的现象，因此卫生部必须同时提供检测宗数和确诊病例，才能让人们更准确地掌握确诊病例的机率。

"针对延迟呈报问题，本身向一些私人诊所了解发现，他们都有按时按标准作业程序呈报病例，中间是否出现什么差错，也是卫生部需要立刻改善和解决的问题。"

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

**KERATAN AKHBAR**
**16 February 2021**

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Malaysia Nanban |
| Tajuk Berita | : | Klang Sentral have not hand over to Selangor government |
| Muka Surat | : | 16 |

# மேரு கிள்ளான் செண்ட்ரல் சிலாங்கூர் அரசிடம் ஒப்படைக்கப்படவில்லை



(ம.யோகலிங்கம்)

மேரு, பிப்.16-

பராமரிப்பின்றி கிடக்கும் கிள்ளான் செண்ட்ரல் வர்த்தகப் பகுதி சிலாங்கூர் மாநில அரசிடம் இன்னும் ஒப்படைக்கப்படவில்லை என்று கிள்ளான் நகராண்மைக்கழகம் (எம்பிகே) கூறியது.

வர்த்தக மையங்கள், விரைவு பேருந்து டாக்சி நிலையங்கள் ஆகியவை அடங்கிய இப்பகுதி சம்பந்தப்பட்ட மேம்பாட்டு நிறுவனத்தின் கட்டுப்பாட்டில் தொடர்ந்து இருந்து வருவதாகவும் அது இன்னும் கிள்ளான் நகராண்மைக்கழகத்தின் வசம் ஒப்படைக்கப்படவில்லை என்றும் அதன் நிர்வாகத் தொடர்புத்துறை குறிப்பிட்டுள்ளது.

முறையான பராமரிப்பின்றி கிடக்கும் சாலைகளால் அப்பகுதியில் விபத்துகள் அதிகரித்து வருவதாகவும் வாகனங்கள் அடிக்கடி பழுதடைவதாகவும் கடந்த வாரம் மலேசிய நண்பன் செய்தி வெளியிட்டது. மேலும் திடீர் வெள்ளத்தால் வாகனமோட்டிகள் அவதியுறுவதாகவும் புகார் எழுப்பப்பட்டு வருகிறது. இதற்கு அக்கழகம் மேற்கண்டவாறு பதில் அளித்துள்ளது.

இதனிடையே பராமரிப்பு இன்றி கிடக்கும் கிள்ளான் செண்ட்ரலால் மேரு பட்டணத்தின் தோற்றம் பாதிப்புற்றுள்ளதாக அத்தொகுதி சட்டமன்ற உறுப்பினர் முகமட் பக்ருல்ராஸி முகமட் மொக்தார் மலேசிய நண்பனிடம் தெரிவித்தார்.

எடுத்துக்காட்டாக அப்பகுதியில் ஏற்படும் திடீர் வெள்ளத்தையும் மோசம் அடைந்துள்ள சாலைகளையும் அவர் சுட்டிக்காட்டினார். அவற்றை முழுமையாக சீரமைத்து மாநில அரசிடம் அந்த நிறுவனம் முறைப்படி ஒப்படைக்க வேண்டும். ஆனால் இந்த விவகாரத்தை அந்நிறுவனம் தொடர்ந்து ஆறப்போட்டு கொண்டு இருக்கிறது. இது வன்மையாகக் கண்டிக்கத்தக்கது.

சம்பந்தப்பட்ட மேம்பாட்டு நிறுவனம், கிள்ளான் நகராண்மைக் கழகம், பொதுப் பயணித்துறை ஆகியவற்றுடனான சந்திப்பில் நான் இதை வலியுறுத்தி இருக்கிறேன்.

ஆனால் மாதங்கள்பல உருண்டோடி விட்டன. அந்த நிறுவனம் அதன் போக்கை மாற்றிக் கொள்ளவில்லை என்று அவர் கூறினார். இந்த விவகாரம் குறித்து இந்த கூட்டங்களில் விவாதித்துள்ளதாகவும் அவர் சொன்னார். இவ்வாண்டு பிப்ரவரியில் சீரமைப்பு பணிகளை தொடங்குவதாக அது வாக்குறுதி அளித்து இருந்தது.

ஆனால் அதற்கான எந்த அறிகுறியும் தெரியவில்லை என்றார் பக்ருல்ராஸி.

இந்த நிலை நீடித்தால் அந்நிறுவனத்தின் மீது நடவடிக்கை எடுப்பதற்கு சட்டரீதியான அணுகுமுறை கையாளப்படலாம் என்றார் அவர்.

தேசிய முன்னணி ஆட்சிக்காலத்தில் மேருவில் கிள்ளான், செண்ட்ரல் உருவாக்கப்பட்டது. கிள்ளானிலிருந்து மேரு சாலை 5 ஆவது மைலில் இது அமைந்துள்ளது. 10 ஆண்டுகளுக்கு மேலாகியும் இப்பகுதியின் தோற்றம் பாழ்பட்டு கிடப்பதாக அரசுசாரா இயக்கங்கள் முறையிட்டு வருகின்றன.